

Terma & Syarat Penebusan:

1. Program penebusan ini dianjurkan oleh Nestlé Products Sdn. Bhd. [45229-H] (Pihak Penganjur).
2. Program penebusan ini akan berlangsung sehingga 22/10/2009 dan terhad kepada 1,500 borang penebusan yang terawal diterima.
3. Program penebusan ini terbuka kepada semua warganegara dan penduduk tetap Malaysia berusia 18 tahun ke atas.
4. Setiap borang penebusan yang diposkan mesti lengkap dengan butiran yang diperlukan dan disertai dengan mana-mana 2 label botol dan/atau pek luar isian semula NESCAFÉ CLASSIC® 200g dan/atau 300g sebagai Bukti Pembelian.
5. Borang penebusan yang tidak lengkap, tidak boleh dibaca atau tanpa Bukti Pembelian yang betul dan/atau rosak akan dibatalkan.
6. 1,500 borang penebusan yang terawal diterima akan diberikan 2 tiket filem “Pisau Cukur”. Lokasi panggung wayang akan ditentukan oleh Pihak Penganjur berdasarkan alamat kediaman yang diberikan di borang penebusan. Tarikh dan waktunya akan ditentukan mengikut yang sedia ada.
7. Setiap peserta boleh menebus 2 tiket sahaja sepanjang tempoh promosi dan ianya tidak boleh ditukar-milik.
8. Penebusan tiket dan butir-butir tayangan filem akan dimaklumkan kepada peserta melalui SMS, berdasarkan nombor telefon bimbit yang diberikan di borang penebusan, beberapa hari sebelum tarikh tayangan.
9. Untuk menebus tiket-tiket tersebut, peserta MESTI menunjukk mesej SMS yang diterima dan membawa sekali MyKad asal bagi tujuan pengesahan. Tiket akan diserahkan apabila semua maklumat di MyKad mengenai peserta padan dengan butir peserta di dalam rekod Pihak Penganjur berdasarkan borang penebusan.
10. Penebusan tiket mesti mengikut terma dan syarat di atas. Kesemua tiket yang tidak ditebus akan dibatalkan. Kos menebus tiket adalah tanggungjawab peserta.
11. Jika berlakunya sebarang percanggahan, keputusan Pihak Penganjur adalah muktamad dan surat-menyurat tidak akan dilayan.